
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008**

April 2008

HSM 318 – SEMINAR SEJARAH POLITIK MALAYSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. "Tanpa rangsangan perkembangan politik di luar negara, kesedaran politik dan nasionalisme Melayu tidak mungkin meningkat sebelum 1942". Bincangkan.
2. "Penentangan orang Melayu terhadap British di Semenanjung pada akhir kurun ke-19 dan dalam tiga puluh tahun pertama kurun ke-20 bukanlah kerana kesedaran kebangsaan atau keinginan untuk bebas daripada penjajahan oleh kuasa asing tetapi disebabkan oleh keengganan untuk berubah dan didorong oleh hasutan para ketua yang mementingkan diri sendiri". Bahaskan.
3. Bandingkan persamaan, perbezaan dan keperipentingan Paspam, KMM, PKMM, UMNO dan Hizbul Muslimin dalam sejarah politik Malaysia sehingga 1957.
4. "Dalam pengertian yang tepat kerjasama politik antara kaum di Tanah Melayu hanya bermula setelah penubuhan Parti Perikatan dalam tahun 1954". Nilaikan pernyataan ini.
5. Nilaikan pengaruh agama Islam dalam kesedaran dan pergerakan politik orang Melayu di Tanah Melayu dari 1920 hingga 1960.
6. "Sejak awal lagi kepimpinan politik di Singapura, Sarawak dan Sabah tidak berhasrat bergabung dengan Tanah Melayu. Singapura kemudiannya berpisah daripada Malaysia tetapi Sarawak dan Sabah terus kekal di dalamnya". Bincangkan.
7. "Peristiwa 13 Mei bukan berpunca daripada keputusan pilihanraya 10 Mei 1969. Bibit-bibit ke arah itu telah pun tersemai sejak 1940-an lagi". Ulaskan.
8. "Sarawak dan Sabah mendapat layanan istimewa dalam Persekutuan Malaysia. Namun demikian, terdapat gologan tertentu di kedua-dua negeri tersebut yang sering menyatakan perasaan tidak puas hati mereka terhadap kerajaan Persekutuan". Bincangkan.